

11 JAN 2001

Effendi-transformasi

TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN BOLEH DICAPAI

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Wawasan pertanian negara untuk mentransformasi sektor pertanian negara kepada industri moden menggunakan teknologi dan kaedah pengurusan baru boleh dicapai kira-kira lima tahun.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi berkata transformasi itu bukan sahaja akan mengubah nasib petani, pekebun, nelayan dan penternak tetapi juga meletakkan negara sebagai pengeluar makanan di peringkat antarabangsa.

Katanya, kementerianya secara agresif sedang mengubah minda dan pemikiran lebih 95 peratus petani negara ini ke arah itu.

"Kita sedang memujuk dan meyakinkan petani kita supaya meninggalkan pertanian secara tradisional yang banyak bergantung kepada pasaran tempatan dan kita yakin mampu merealisasikan wawasan pertanian negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam rancangan "Wawancara" di RTM 1 yang disiarkan secara langsung malam tadi.

Anggota panel wawancara itu terdiri Editor Eksekutif Bernama Azman Ujang dan Penolong Pengarang Berita, Berita Harian Kamal Ahmad. Majlis itu di perantarakan oleh Hambali Abdul Latif.

Menurut Effendi kementerianya dalam menjayakan wawasan pertanian negara mendapat kerjasama baik daripada agensi-agensi kerajaan lain termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Effendi berkata hampir kesemua negeri juga telah memberikan kerjasama dan tujuh negeri setakat ini telah menandatangani perjanjian dengan kementerianya, melibatkan peruntukan 50,000 hektar tanah khusus bagi pengeluaran makanan.

Untuk "merevolusikan" sektor pertanian ke arah matlamat ini, Kementerian Pertanian telah meletakkan 12 agensinya termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai "satu pasukan" yang akan membantu petani, pekebun, nelayan dan penternak sedia ada serta mereka yang berminat menyertai bidang ini daripada segi latihan hingga pemasaran.

Kesemua agensi ini juga ditugaskan mencari apa juga teknologi terbaru pertanian di serata dunia bagi diaplikasikan di Malaysia teknologi yang sesuai.

Antara program yang diberi tumpuan ialah menggalakkan pertanian secara sistem berkelompok dengan menyatukan tanah bersaiz kecil yang akan diusahakan oleh mereka yang terlibat di bawah satu pengurusan.

Effendi turut memberikan contoh bagaimana di Kubur Panjang, Kedah satu projek telah berjaya meningkatkan hasil padi daripada dua tan sehektar kepada 4.5 tan sehektar dan kemudiannya 7.2 tan sehektar dan mungkin 10 tan sehektar tidak lama lagi.

Effendi berkata sejumlah 821 skim berkelompok akan diperkenalkan yang akan melibatkan benih lebih baik, penggunaan mesin dan rancangan pemasaran yang lebih bersistematik.

Beliau berkata masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian negara pada hari ini mungkin disebabkan oleh perhatian yang tidak sama berat diberikan, sama seperti apa yang diberi pada sektor perindustrian.

"Tapi mungkin dalam lima tahun akan datang kita akan lihat banyak perubahan pada sektor pertanian...yang penting beri keyakinan pada petani," katanya.

Katanya, tiada sebab kenapa Malaysia tidak mampu menjadi pengeluar makanan terkemuka dunia kerana negara terbukti kemampuannya dalam pengeluaran produk berkaitan kelapa sawit, jika semua pihak mengubah sikap

dan menerima perubahan teknologi dan berani mencuba.

Dalam mentransformasi sektor pertanian, Effendi berhasrat membawa sebanyak yang boleh golongan belia termasuk graduan bagi menjadikan mereka "pengusaha pertanian" yang berjaya dan lantaran mengurangkan tekanan pada sektor ini yang kini banyak bergantung kepada golongan yang semakin berusia.

Dalam konteks ini kementerian akan membantu daripada semua segi termasuk membuka tanah, pinjaman, khidmat sokongan teknikal, pasaran dan pengurusan.

Menyentuh mengenai nasib masyarakat nelayan yang dikatakan tidak banyak berubah sekalipun harga ikan sentiasa melambung, Effendi berkata mereka perlu mengubah teknologi tangkapan kepada yang lebih moden dan kementerian bersedia membantu.

Effendi berkata untuk menjadi nelayan moden hanya memerlukan sedikit modal di samping strategi pemasaran yang baik dan dalam hal ini juga kementerian akan turut membantu nelayan.

Menurutnya hasrat kementerian adalah bagi melihat kejayaan kumpulan sasaran dan bukan hanya entiti yang terlibat dengan kumpulan sasaran itu sendiri umpamanya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan nelayan.

Effendi berkata FAMA turut diberi peranan penting meneroka pasaran dunia dengan kempen promosi dan penjenamaan dan sembilan jenis buah seperti nanas, nangka, betik, belimbing, tembikai, jambu dan durian sedang dan akan dipromosikan di peringkat dunia.

Mengenai industri padi dan beras yang menghadapi pelbagai masalah sekarang, beliau berkata negara perlu bersedia menghadapi cabaran yang dibawa oleh Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan pilihannya hanya satu iaitu meningkatkan mutu pengeluaran dengan kos rendah agar terus bersaing.

Daripada segi penyelidikan dan pembangunan, Effendi berkata negara mempunyai Mardi yang bertaraf dunia dan agensi itu akan menjalankan peranan penting termasuk membantu meningkatkan teknologi pemerosesan sektor pertanian.

Ditanya adakah banyak produk pertanian diimport kerana mutunya lebih baik, Effendi berkata ini kerana faktor harga rendah dan juga mutunya yang turut baik.

"Tapi saya yakin kita boleh berdaya saing dengan mereka dan dengan kesungguhan dan kesediaan, petani kita boleh bersaing," katanya.

Mesej Effendi kepada mereka yang sedang dan berhasrat melibatkan diri dalam sektor pertanian ialah mereka harus melihat usaha pertanian ini sebagai satu bisnes yang mampu memberi pulangan lumayan dan boleh menjadi pengusaha daripada makan gaji.

"Saya ingin mereka buka minda, hati dan pemikiran mereka dan periksa cara baru yang kita sarankan dan tinjau sendiri apa teknologi baru dan apa keuntungannya dan berani mencuba," kata Effendi.

-- BERNAMA

RV ZS RHM